



## SIARAN AKHBAR

### **GAMBAR MENGENAI PENGGUNAAN REKABENTUK MATAWANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati ada gambar yang dikelilingkan melalui pesanan ringkas mengenai dengan sampul surat hari raya menggunakan rekabentuk matawang Negara Brunei Darussalam.
2. AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa di bawah Bab 21(1), Perintah Matawang, 2004, adalah menjadi kesalahan untuk membuat, menjual, mengeluarkan atau mengedarkan apa jua barangan atau produk yang mempunyai gambar matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam apa jua saiz, skala ataupun warna, termasuk penggunaannya dalam sebarang iklan, tanpa kebenaran AMBD. Kesalahan ini boleh membawa kepada hukuman denda, atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.
3. Bagi sebarang pertanyaan, maklumat lanjut, atau laporan, mengenai matawang Negara Brunei Darussalam, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2382186 atau melalui emel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn)

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 21 Ramadhan 1437H / 27 Jun 2016M

Rujukan : AMBD/COMMS/3